

Krisis MB: PKR, DAP tegas Pakatan kukuh walaupun PAS tidak sehaluan

Malaysian Insider

Aug 28, 2014

OLEH ANISAH SHUKRY

PAS terus mengambil keputusan bertentangan dengan rakan lain dalam Pakatan Rakyat (PR) berhubung kes menteri besar Selangor, tetapi PKR dan DAP meremehkan perkara itu dengan menggunakan 'proses demokrasi' sebagai alasan, mengecewakan penganalisis politik.

Hasrat parti Islam itu menamakan sekurang-kurangnya 2 calon menggantikan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim membangkitkan persoalan tentang kemampuan PR kerana PKR dan DAP tetap bertegas mahukan hanya Presiden PKR Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail mengisi jawatan tertinggi negeri itu.

"Inilah demokrasi. Apa yang nak dihairankan?" kata Naib Presiden PKR Tian Chua kepada The Malaysian Insider ketika ditanya mengenai perbezaan jelas pandangan ketiga-tiga parti.

"Inilah yang dinamakan proses perundingan. Perbezaan memang dijangkakan, tetapi kemudiannya kita kena capai satu titik persamaan," katanya.

PAS mengulang pendiriannya pada Rabu yang ia akan menghantar 2 nama calon menteri besar kepada Sultan Selangor, bertentangan dengan keputusan majlis presiden PR menamakan hanya Dr Wan Azizah seorang.

Alasannya, mereka hanya menurut titah Sultan yang mahukan setiap parti dalam PR memberi tiga nama kepada istana.

Tetapi, PKR dan DAP menerangkan keputusan yang mereka ambil

berdasarkan amalan tahun lepas, di mana hanya satu nama dihantar, walaupun Sultan meminta lebih, dan tindakan itu tidak menimbulkan sebarang masalah.

Ketika diminta mengulas, Tian Chua mengeneipkan perkara itu, dan berkata "tiada pertentangan besar."

Katanya, parti Islam itu hanya sekadar menyimpang daripada gabungan pembangkang apabila ia mencadangkan lebih nama untuk jawatan menteri besar.

"PAS menghormati kesepakatan PR yang Selangor akan diterajui PKR. Mereka bersetuju Dr Wan Azizah seharusnya menjadi calonnya. Mereka kata mereka mahu terus bersama PR, dan Khalid mesti berundur.

"Semua ini titik persamaan. Jadi mengapa kita hendak bercakap tentang berakhirnya Pakatan?," katanya.

Setiausaha DAP Anthony Loke juga menafikan PR akan berpecah disebabkan kedegilan PAS terus mengambil keputusan berbeza daripada PR.

"Belum sampai ke tahap itu lagi. Kita selesaikan satu isu pada satu masa. Buat waktu ini kita tumpukan kepada isu menteri besar Selangor," katanya kepada The Malaysian Insider.

Ketua Umum PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim juga berkeras berkata semangat PR masih kuat walaupun ia kelihatan tidak mampu mencapai kesepakatan.

"Terlalu awal untuk mengatakan begitu (berakhirnya kerajaan PR Selangor) sebab, penyokong PAS, PKR dan DAP pada umumnya bersetuju dan

merasakan sekarang ialah waktu memastikan PR terus kuat," katanya kepada pemberita pada Khamis.

Bagaimanapun, penganalisis memberi gambaran berbeza terhadap gabungan pembangkang itu - sebuah pakatan yang dikhianati pembelotan dan kesangsian.

Penganalisis politik Professor James Chin dari Universiti Monash memberitahu The Malaysian Insider walaupun kerajaan PR di Selangor masih kekal, ia tidak sama seperti dulu.

"Sudah ada perasaan sangsi antara mereka. Perhubungan mereka tidak akan boleh kembali seperti biasa. Mereka masih ada hubungan kerja, tetapi tidak serapat dulu. Hubungan mereka akan jadi sangat dingin," katanya.

Katanya, Pakatan akan berpecah di tahap negeri lagi sekiranya Dr Wan Azizah tidak dilantik menjadi menteri besar.

"Kalau Dr Wan Azizah tidak menjadi menteri besar, DAP dan PKR akan musnah di peringkat negeri. Dan ada kemungkinan PAS Selangor menarik diri dan menjadi orang tengah," katanya.

Ibrahim Suffian, yang mengetuai badan kaji selidik bebas Merdeka Center berkata tindakan PAS yang berkeras mahukan 2 calon pasti menambah ketegangan kepada keadaan sedia ada dalam Pakatan.

"Parti itu seolah-olah memungkiri janjinya sendiri dan memutuskan untuk bersendirian.

"Ini menimbulkan masalah kepada kerajaan negeri, kerana daripada segi praktikalnya, hanya 13 wakil rakyat PAS yang bersama mereka. Selebihnya

menyebelahi PKR dan DAP," kata Ibrahim.

Ibrahim merujuk kepada 2 wakil rakyat PAS yang menyatakan sokongan kepada Dr Wan Azizah sebelum parti itu membuat keputusan rasmi mengenainya pada mesyuarat 17 Ogos.

Mesyuarat PAS Pusat pada 25 Ogos juga menyaksikan 13 wakil rakyat PAS itu menentang Presiden PAS Datuk Seri Dr Abdul Hadi Awang yang bertegas mahukan 2 nama dihantar kepada Sultan.

"Bagaimanapun, krisis ini tidak membawa kehancuran kepada kerajaan PR. Isu menteri besar tetap akan menjadi topik perbincangan.

"Mereka masih perlu bekerja bersama dan mengkaji kenapa PAS sangat berkeras dalam kes ini," kata Ibrahim.

Sebaliknya, penganalisis bebas Khoo Kay Peng kurang yakin kerana katanya, kedegilan PAS akan menamatkan PR di peringkat negeri dan negara.

"Perlu ada tolak ansur dalam sesebuah pakatan. Tetapi, PAS jelas tidak ada sifat itu.

"PR sebagai gabungan 3 parti tidak boleh berjaya. Penyokong tegar DAP dan PKR tidak akan memberi sokongan penuh kerana mereka sedar mereka dikhianati PAS," katanya.

Beliau berkata, jika kepimpinan PAS tidak berubah, PKR dan DAP terpaksa bekerja tanpa parti Islam itu dan akhirnya sekadar menjadi parti kecil yang hanya mampu memenangi kerusi bandar dalam pilihan raya. – 29 Ogos, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/krisis-mb-pkr-dap-tegas-pakatan-kukuh-walaupun-pas-tidak-sehaluan>